



FAZAKKIR

e-Tazkirah | Bil. 33 | Jun 2024 - Zulhijjah 1445H

IKTIBAR NABI IBRAHIM

Amanah Dan Pengorbanan

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَى إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ

فَانْظُرْ مَاذَا تَرَىٰ قَالَ يَأْتِيَ أَفْعَلَ مَا تُؤْمِنُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ

"Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata : **"Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu ;** maka fikirkanlah apa pendapatmu?". Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar".

[al-Saffat : 102]

Ibadah korban merupakan manifestasi keimanan dan ketaatan kepada Allah SWT. Nabi Ibrahim A.S diuji oleh Allah SWT. Allah SWT memerintahkan baginda mengorbankan anaknya la itu Nabi Ismail A.S. Nabi Ismail A.S membuktikan keimanan kepada Allah SWT dengan meminta bapanya menyempurnakan perintah Allah SWT tersebut.



١٠٢

مِنَ الصَّابِرِينَ

- Akhirnya mereka berdua menyempurnakan perintah Allah SWT. Namun begitu, Allah SWT maha adil kepada hambanya yang berbuat kebaikan. Allah SWT mengiktiraf kesanggupan Nabi Ibrahim A.S melaksanakan perintahNya dan Allah SWT mengantikan seekor kibas yang besar sebagai balasan ketaatan Nabi Ibrahim A.S.
- Amalan korban merupakan ibadah sunat kepada seluruh umat Islam. Kesungguhan umat Islam dalam melaksanakan ibadah korban walaupun mungkin berhadapan dengan halangan kewangan dan kemampuan merupakan satu sikap yang baik dalam usaha melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT.

Semoga ibadah kita semua diterima oleh Allah SWT.

Diterbitkan oleh Unit Hal Ehwal Islam, UiTM Cawangan Selangor

